

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]

SOALAN NO 193

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah keluasan tanah dan nilai harta tanah ladang kelapa sawit bagi pelaburan FELDA di dalam Syarikat Eagle High ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembelian pegangan 37% ekuiti dengan *Put Option* di dalam PT Eagle High Plantations Tbk (EHP) telah dilaksanakan oleh salah sebuah syarikat subsidiari milik penuh FELDA, iaitu FIC Properties Sdn Bhd (FICP). EHP memiliki kira-kira 320,000 hektar tanah termasuk 148,000 hektar yang sudah ditanam seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan EHP tahun 2018.

Sekian, terima kasih.